

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Kogrel*
2. Bagaimana *Kogrel* berfungsi
3. Sebelum anda mengambil *Kogrel*
4. Cara mengambil *Kogrel*
5. Semasa menggunakan *Kogrel*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan *Kogrel*
8. Maklumat lanjut
9. Pengeluar dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Kogrel*

Anda telah diberi preskripsi ubat membantu mencegah darah beku dan mengurangkan risiko kejadian teruk yang disebabkan:

- Anda mengalami masalah pengerasan arteri (juga dikenali sebagai aterosklerosis), dan
- Anda sebelum ini pernah mendapat serangan jantung, strok atau mengalami keadaan yang dikenali sebagai penyakit arteri periferi, atau
- Anda telah mengalami sejenis sakit dada yang teruk dikenali sebagai 'angina tidak stabil' atau 'infarksi miokardium' (serangan jantung). Untuk merawat keadaan ini, doktor anda mungkin telah meletakkan sten dalam arteri yang tersumbat atau menyempit untuk memulihkan pengaliran darah secara berkesan.
- Anda juga mungkin diberikan acetylsalicylic acid (bahan yang hadir dalam ubat-ubatan yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan demam serta untuk mengelakkan pembekuan darah) oleh doktor anda.
- Anda telah mengalami doktor strok yang hilang dalam masa yang singkat (juga dikenali sebagai serangan iskemia sementara) atau iskemia strok yang ringan. Anda juga mungkin diberi acetylsalicylic acid oleh doktor anda dalam masa 24 jam pertama.
- Anda mempunyai degupan jantung yang tidak teratur, keadaan yang dipanggil 'fibrilasi atrium', dan anda tidak boleh mengambil ubat-ubatan yang dikenali sebagai 'antikoagulan oral' (vitamin K antagonists) yang menghalang pembekuan baru daripada terbentuk

dan mencegah darah beku sedia ada daripada membesar.

Anda harus telah diberitahu bahawa 'antikoagulan oral' adalah lebih berkesan daripada acetylsalicylic acid atau penggunaan gabungan *Kogrel* dan acetylsalicylic acid bagi keadaan ini. Doktor anda sepatutnya sudah mempreskripsikan *Kogrel* ditambah acetylsalicylic acid jika anda tidak boleh mengambil 'antikoagulan oral' dan anda tidak mempunyai risiko pendarahan utama

Bagaimana *Kogrel* berfungsi

Kogrel tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan produk ubat antiplatelet. Platelet adalah struktur sangat kecil dalam darah, lebih kecil daripada sel darah merah atau putih, yang bergumpal semasa pembekuan darah. Dengan mencegah penggumpalan ini, produk ubat antiplatelet mengurangkan kemungkinan pembentukan darah beku (proses yang dinamakan trombosis).

Kogrel diambil untuk mencegah pembentukan darah beku dalam saluran darah (arteri) yang mengeras, iaitu proses yang dikenali sebagai aterotrombosis, yang boleh menyebabkan kejadian aterotrombotik (seperti strok, serangan jantung, atau kematian).

Sebelum mengambil *Kogrel*

- *Bila tidak boleh menggunakan*
 - Jika anda alah (hipersensitif) kepada *Kogrel* atau sebarang bahan lain dalam *Kogrel*
 - Jika anda mengalami keadaan perubatan yang menyebabkan pendarahan seperti ulser perut atau pendarahan dalam otak.
 - Jika anda menghidap penyakit hati yang teruk.
 - *Sebelum mula mengambil*
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mula mengambil *Kogrel* jika anda sedang atau pernah:
- menghadapi risiko pendarahan seperti
 - keadaan perubatan yang meletakkan anda dalam

risiko pendarahan dalaman (seperti ulser perut).

- gangguan darah yang membuat anda mudah mengalami pendarahan dalaman (endarahan dalam sebarang tisu, organ atau sendi dalam badan anda).
- baru mengalami kecederaan serius.
- baru menjalani pembedahan (termasuk pergigian).
- merancang untuk menjalani pembedahan (termasuk pergigian) dalam masa tujuh hari akan datang.
- mempunyai darah beku dalam arteri otak anda (strok iskemia) yang berlaku dalam masa tujuh hari yang lepas
- anda menghidap penyakit buah pinggang atau hati
- jika anda mempunyai alahan atau reaksi terhadap sebarang ubat yang digunakan untuk merawat penyakit anda
- jika anda mempunyai sejarah perubatan pendarahan otak bukan disebabkan oleh trauma.

Mengandung dan menyusukan anak

Kogrel tidak boleh digunakan semasa menyusukan anak/ mengandung. Jika anda mengandung, atau anda fikir anda mungkin mengandung, minta nasihat daripada doktor anda sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*
- Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang sebarang ubat lain yang anda sedang ambil atau anda telah ambil baru-baru ini. Ini termasuk ubat yang bukan diperolehi dengan preskripsi doktor tetapi anda beli sendiri dari ahli farmasi. Sesetengah ubat lain boleh mempengaruhi penggunaan *Kogrel* atau sebaliknya.

Anda hendaklah memberitahu doktor anda secara khusus jika anda mengambil

- ubat oral antigumpal atau antikoagulan, yang digunakan untuk mengurangkan pembekuan darah,
- ubat antiradang bukan steroid, biasanya digunakan untuk merawat kesakitan dan/atau keradangan otot

- atau sendi,
- heparin atau sebarang ubat lain yang digunakan untuk mengurangkan pembekuan darah,
- perencat pam proton (seperti *omeprazole*) untuk merawat sakit perut,
- *cimetidine*, ubat untuk merawat sakit perut
- ticlopidine, agen antiplatelet lain.
- selective serotonin reuptake inhibitor (termasuk tetapi tidak terhad kepada fluoxetine atau fluvoxamine), ubat-ubatan untuk merawat kemurungan
- rifampicin (diguna untuk merawat jangkitan serius)
- omeprazole atau esomeprazole, ubat-ubatan untuk merawat sakit perut
- fluconazole atau voriconazole, ubat-ubatan untuk merawat jangkitan kulat,
- efavirenz, atau ubat anti-retroviral lain (digunakan untuk merawat jangkitan HIV),
- carbamazepine, ubat untuk merawat beberapa jenis epilepsy,
- moclobemide, ubat untuk merawat kemurungan,
- repaglinide, ubat untuk merawat diabetes,
- paclitaxel, ubat untuk merawat kanser,
- opioids: semasa anda dirawat dengan clopidogrel, anda perlu memaklumkan kepada doktor sebelum diberi opioid (digunakan untuk merawat kesakitan yang teruk).
- rosuvastatin (digunakan untuk merendahkan tahap kolesterol)
- Jika anda pernah mengalami sakit dada teruk (angina tidak stabil atau serangan jantung), anda mungkin diberi preskripsi *Kogrel* bersama dengan asid asetilsalisilik, bahan yang terdapat dalam banyak ubat yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan meredakan demam. Penggunaan asid asetilsalisilik sekali-sekala (tidak lebih daripada 1000 mg dalam mana-mana tempoh 24 jam) umumnya tidak seharusnya menimbulkan masalah, tetapi penggunaan secara berpanjangan dalam keadaan lain hendaklah dibincangkan dengan doktor anda

- *Berapa banyak harus digunakan*
- Ambil *Kogrel* betul-betul sebagaimana yang diarahkan oleh doktor anda. Dapatkan kepastian daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.
- Jika anda mengalami sakit dada teruk (angina tidak stabil atau serangan jantung), doktor anda mungkin memberikan *Kogrel* 300 atau 600 mg (4 -8 pil 75 mg) sekali pada permulaan rawatan. Selepas itu, dos biasa adalah satu pil *Kogrel* 75 mg sehari untuk diambil melalui mulut dengan makanan atau tanpa makanan, dan pada waktu yang sama setiap hari.
- Sekiranya anda mengalami simptom strok yang hilang dalam jangka masa yang singkat (juga dikenali sebagai serangan iskemia sementara) atau iskemia strok yang ringan, doktor anda mungkin memberi anda 300 mg *Kogrel* (1 tablet 300 mg atau 4 tablet 75 mg) sekali pada permulaan rawatan. Kemudian, dos yang disyorkan adalah satu tablet *Kogrel* 75 mg sehari seperti dijelaskan di atas dengan acetylsalicylic acid selama 3 minggu. Kemudian doktor akan menetapkan ubat *Kogrel* sahaja atau acetylsalicylic acid sahaja.
- *Bila perlu digunakan*
- Guna ubat ini betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti. *Kogrel* boleh diambil dengan makanan atau tanpa makanan pada masa yang sama setiap hari.
- *Berapa lama perlu digunakan*
- Anda hendaklah mengambil *Kogrel* selagi doktor anda terus memberi preskripsi ubat ini.
- *Jika terlupa menggunakan*
- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*
- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *Kogrel*

- *Perkara yang perlu dilakukan*
- Anda hendaklah memberitahu doktor anda jika anda merancang untuk menjalani pembedahan (termasuk pergigian)
- Anda juga hendaklah memberitahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami satu keadaan perubatan (juga dikenali sebagai purpura trombositopenik trombotik atau dalam bahasa Inggeris *Thrombotic Thrombocytopenic Purpura* atau singkatannya TTP), termasuk demam dan lebam bawah kulit yang mungkin kelihatan seperti bintik-bintik halus merah, keletihan yang keterlaluan dengan sebab atau tanpa sebab, kekeliruan, penguningan kulit atau mata (jaundis)
- Jika anda terluka atau tercedera, pendarahan mungkin mengambil masa lebih lama daripada biasa untuk berhenti. Ini dikaitkan dengan cara ubat anda berfungsi kerana ia mencegah keupayaan untuk membentuk darah beku. Luka dan kecederaan kecil seperti terkena pisau atau pisau cukur biasanya tidak perlu dibimbangkan. Bagaimanapun, jika pendarahan membimbangkan anda, segera hubungi doktor anda.
- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
- Jangan hentikan pengambilan ubat anda melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan beri ubat ini kepada sesiapa, walaupun mereka mengalami gejala atau keadaan yang sama seperti anda.
- Ubat ini tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak atau remaja.
- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
- Memandu dan menggunakan mesin*

Cara mengambil *Kogrel*

Kogrel tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin.

Jangan memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana *Kogrel* boleh menjejaskan anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, *Kogrel* boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Segera hubungi doktor anda jika anda mengalami:

- demam, tanda jangkitan atau keletihan yang keterlaluan. Ini mungkin disebabkan kemerosotan sel darah yang jarang berlaku.
- tanda masalah hati seperti penguningan kulit dan/atau mata (jaundis), sama ada dikaitkan atau tidak dengan pendarahan yang mungkin kelihatan seperti bintik-bintik halus, merah dan/atau kekeliruan
- bengkak dalam mulut atau masalah kulit seperti ruam dan gatal, lepuh kulit. Ini mungkin adalah tanda tindak balas alahan.

Kesan sampingan umum dilaporkan dengan pengambilan *Kogrel* ialah pendarahan. Pendarahan mungkin berlaku sebagai pendarahan dalam perut atau usus, lebam, hematoma (pendarahan luar biasa atau lebam bawah kulit), hidung berdarah, darah dalam air kencing. Dalam sebilangan kecil kes (kesan sampingan tidak umum), pendarahan dalam mata, dalam kepala, paru-paru atau sendi juga telah dilaporkan.

Kesan sampingan umum:

- cirit-birit, sakit abdomen, makanan tidak hadam atau pedih hulu hati

Kesan sampingan tidak umum:

- tahap darah tidak normal
- sakit kepala, pening, rasa menggelenyar dan kebas
- ulser perut, muntah, loya, sembelit, banyak angin dalam perut atau usus
- ruam dan gatal

Kesan sampingan jarang berlaku:

- tahap neutrofil yang rendah
- vertigo
- pembesaran payudara lelaki

Kesan sampingan sangat jarang berlaku:

- penurunan tekanan darah
- perubahan citarasa
- kesukaran bernafas yang ada kalanya dikaitkan dengan batuk
- keradangan mulut (stomatitis)
- sakit sendi atau sakit otot
- demam
- tindak balas alahan umum, bengkak dalam mulut, lepuh kulit atau alahan kulit
- jaundis atau sakit abdomen teruk dengan atau tanpa sakit belakang
- kekeliruan atau halusinasi

Kesan sampingan dengan kekerapan tidak diketahui:

- reaksi hipersensitif pada dada atau sakit perut,
- simptom gula darah yang rendah.

Selain itu, doktor anda mungkin mengenal pasti perubahan dalam ujian darah atau air kencing anda.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Kogrel*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang tidak boleh dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak. Jangan gunakan *Kogrel* selepas tarikh luput.

Jangan simpan dalam suhu melebihi 30°C.

- Pelupusan

Ubat tidak sepatutnya dilupuskan menerusi air buangan atau sampah sarap rumah. Tanya ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat

yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Pil bersalut berbentuk bulat, warna merah jambu dengan cetakan 'SZ' 75 pada satu permukaan dan kosong pada satu permukaan lagi.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Bahan aktif adalah *Kogrel*.

Setiap pil bersalut mengandungi 75 mg *clopidogrel* (sebagai *bisulphate*).

Bahan-bahan tidak aktif

Teras pil

Mannitol

Cellulose, microcrystalline

Hydroxypropyl Cellulose

Hydrogenated vegetable oil

Salutan pil

Opadry Pink

Purified Water

Overprinting

Opacode

- Nombor MAL

MAL09122044AZ

Pengilang

Sandoz Private Limited

Plot no. 8 A/2 & 8-B

TTC Ind. Area, Kalwe Block

Village Dighe,

Navi Mumbai

400 708, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Sandoz Products Malaysia Sdn. Bhd.

3A-2 & 3A-3, Level 3A, Menara KEN

TTDI,

No. 37, Jalan Burhanuddin Helmi,

Taman Tun Dr Ismail,

60000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

Aug 2026

Nombor Siri

NPRA(R2/2)260819/00120